

WACANA

SUMBANGAN



DR ROSZALINA RAWI

Hari Guru masa renung, junjung warisan pendidik Melayu progresif, Ariff Ahmad

Penyandang pertama Kursi Mas, Profesor Arndt Graf, dari Universiti Goethe, Frankfurt, akan hurai peranan Pengajian Melayu sebagai jambatan budaya pada 9 Okt

Setiap kali tiba Hari Guru, kita sering mendengar ucapan-ucapan terima kasih kepada para guru yang telah mendidik kita dan anak-anak kita dengan penuh dedikasi.

Hari Guru juga merupakan detik bagi para guru sendiri merenung dan menilai semula falsafah pegangan mereka selama ini sebagai penyampai ilmu.

Sambil membelek-belek kad-kad ucapan terima kasih dan mengemas hadiah-hadiah yang ikhlas diberi para pelajar, setiap guru pasti mengimbau detik-detik pahit manis perjalanan mereka sebagai seorang pendidik.

*Berburu ke padang datar,
Dapat rusa belang kaki,
Berguru kepalang ajar,
Ibarat bunga kembang tak jadi.*

Pantun klasik di atas merupakan peringatan bahawa pencarian ilmu secara sambil lewa, tanpa mengesahkan sumber ilmu yang benar-benar bertauliah dan berpengetahuan, hanya akan menghasilkan pembelajaran yang separuh masak.

Proses berguru dengan seseorang, terutama bagi orang-orang dewasa yang mencari ilmu secara berdikari, perlu dilakukan dengan penuh teliti. Bergurulah dengan yang benar-benar tahu.

Carilah mereka yang kaya dengan pengetahuan yang sah dan diyakini, lalu nikmatilah setiap detik pembelajaran.

“Hidup pohon biar berbuah, hidup manusia biar berfaedah.”

Mutiara kata yang diungkapkan oleh Allahyarham Pendeta Dr Haji Muhammad Ariff Ahmad (MAS) atau lebih mesra dikenali sebagai Cikgu Ariff dalam program radio *Mestika Pusaka* (1988) ini amat sesuai dijadikan renungan sempena Hari Guru.

Ungkapan tersebut sarat dengan falsafah mendalam.

Sepertimana pohon yang baik akan menghasilkan buah yang memberi manfaat kepada manusia, demikian juga manusia yang hidupnya haruslah menyumbang jasa, menabur budi dan mendatangkan faedah kepada masyarakat sekelilingnya.

Kesemua ini merupakan ciri-ciri pemikiran progresif dalam pendidikan yang dicontohkan dengan baik oleh Cikgu Ariff.

Pastinya, tujuan pembelajaran bukan hanya untuk kejayaan peribadi, tetapi juga bagi mempersiapkan diri kita untuk memberi sumbangan kepada orang lain, sebagai tanggungjawab kita menyampaikan ilmu yang bermanfaat.

Cikgu Ariff menolak pandangan sempit bahawa ilmu berkenaan bahasa mahupun Sastera Melayu hanya berupa nostalgia yang sekadar perlu dikenang dan dianggap sebagai perhiasan semata-mata.

Sebaliknya, ilmu baginya ialah alat transformasi sosial.

Cikgu Ariff sering mengingatkan bahawa bahasa dan sastera Melayu harus kekal relevan dengan zaman, meskipun akar tradisinya perlu dipelihara.

Beliau mengharungi perjalanan luas sebagai pelajar, guru, penulis, budayawan, dan aktivis.

Ternyata, mahaguru ini, merupakan contoh kewibawaan seorang manusia Melayu progresif yang berakal budi, bercita-cita tinggi, sering mendahagakan ilmu, bersifat ihsan dan rendah hati.

Setelah beliau bersara sebagai guru, Cikgu Ariff menyatakan bahawa beliau akan terus mendidik, selagi waras fikiran.

Bagi beliau, seorang guru sejati tidak akan pernah berhenti mengajar kerana tugas guru itu adalah amanah yang dipegang sepanjang hayat.

PELESTARIAN TRADISI PEMIKIRAN MAS

Warisan MAS kini terus hidup dalam pelbagai bentuk.

Koleksi manuskrip dan karya beliau dipamerkan di Pusat Kajian dan Sumber MAS di perpustakaan Institut Pendidikan Nasional

(NIE).

Ia sarat diisi pelbagai artifak bersejarah milik Cikgu Ariff dan meliputi manuskrip, dokumen, buku-buku, foto dan pelbagai barangan peribadi yang berharga kepada beliau.

Biasiswa Dana MAS, kelolaan Bahagian Bahasa dan Budaya Melayu NIE, juga dianugerahkan kepada calon-calon Doktor Falsafah (PhD) dan sarjana, baik dalam bahasa dan budaya Melayu, mahupun Pengajian Melayu.


Terkini, penubuhan Kursi MAS dalam Pengajian Melayu atau ‘Dr Muhammad Ariff Ahmad Professorship in Malay Studies di NIE/NTU’ merupakan satu mercu tanda penting dalam sejarah pendidikan tinggi, bukan sahaja di Singapura, malah di peringkat antarabangsa.

Para profesor yang menyandang Kursi MAS merupakan ilmuwan yang diiktiraf di peringkat dunia akademik, dalam bidang Pengajian Melayu.

Pada 9 Oktober ini, NIE/NTU akan menerima kunjungan Profesor Arndt Graf, seorang



Allahyarham Dr Haji Muhammad Ariff Ahmad, seorang pendidik Melayu progresif, yang percaya kepada pembelajaran sepanjang hayat, dengan ilmu itu sepatutnya digunakan untuk kebaikan sosial. – Foto fail



Allahyarham Cikgu Haji Suratman Markasan merupakan seorang penulis novel, penyair dan pendidik Melayu veteran. – Foto fail



Dr Kamsiah Abdullah juga merupakan antara guru perintis yang dihormati. – Foto fail

DR MUHAMMAD ARIFF AHMAD
PROFESSORSHIP
IN MALAY STUDIES

Khamis 9hb Oktober 2025
5.00 - 7.00 malam, The Pod @ NLB

Syarah Perdana MAS II
Melestarikan Warisan, Membina Masa Depan:
Menelusuri Peranan Pengajian Melayu
Sebagai Jambatan Komuniti Melalui Lensa
Pemikiran MAS oleh Profesor Arndt Graf

Professor Arndt Graf
Sarjana terkemuka pengajian Asia Tenggara daripada Universiti Goethe, Frankfurt dan profesor pertama menyandang Kursi MAS dalam Pengajian Melayu di NIE NTU.

Jangan lepaskan peluang untuk mendengar wacana ilmiah serta berinteraksi secara langsung dengan tokoh unggul ini.
Kudapan malam disediakan. Daftar sekarang!

Imbas kod QR untuk mendaftar

Hari Guru harus dilihat lebih daripada acara tahunan bagi tujuan mengucapkan terima kasih kepada guru-guru kita pada masa ini.

Ia juga merupakan ruang refleksi bagi kita memikirkan sejauh manakah kita, sebagai anggota masyarakat Melayu Singapura, menghargai jasa guru-guru Melayu perintis seperti Allahyarham Cikgu Ariff, Allahyarham Cikgu Suratman Markasan, Allahyarham Cikgu Mohamed Latiff Mohamed, Cikgu Sidek Saniff, Dr Kamsiah Abdullah, Profesor Emeritus Hadjah Rahmat dan ramai lagi.

Kita harus menyambung legasi mereka dengan terus mengejar ilmu dan menikmati pembelajaran bahasa, budaya dan sastera Melayu sepanjang hayat.

Pentingnya, usaha kita untuk memperingati tokoh-tokoh ini seharusnya lebih daripada ucapan dan laungan menyanjung budi dalam upacara-upacara keramaian.

Untuk benar-benar menyambung perjuangan mereka, kita harus giatkan penyelidikan, penerbitan dan pemerksaan pengajian Melayu di tahap antarabangsa.

Ilmu yang dituntut dan dikembangkan bukan sekadar membezakan antara kebenaran dengan kepalsuan, malah melaluinya, masyarakat kita akan terus dipimpin oleh kebijaksanaan, dihormati pandangannya, dan diteladani ramai.

Kedatangan Profesor Graf adalah peluang untuk kita bersama-sama meraikan semangat pencarian ilmu.

Ayuhlah kita mendengar, berdialog dan menceduk ilmu daripada tokoh terkemuka ini dan pada masa yang sama mengimbau pemikiran serta perjuangan Pendeta Cikgu Ariff.

Kepada para guru yang dihormati, ‘Selamat Menyambut Hari Guru’.

Semoga kita semua dapat bertemu dan menimba ilmu bersama, termasuklah melalui kuliah umum Kursi MAS yang bakal diadakan pada 9 Oktober nanti.

Syarah Perdana MAS II anjuran Jabatan Bahasa dan Kebudayaan Asia NIE NTU, menampilkan Profesor Graf, sarjana terkemuka dalam Pengajian Asia Tenggara dan profesor pertama menyandang Kursi MAS dalam Pengajian Melayu di NIE NTU.

Beliau bakal menghuraikan peranan Pengajian Melayu sebagai jambatan budaya dan pemupuk perpaduan, berpaksikan warisan intelektual MAS.

Sila imbas kod QR di dalam poster atau langsung ke pautan pendaftaran yang dilanjutkan sehingga 20 September di <https://forms.office.com/r/jzcsQH471>

► *Penulis ialah pensyarah di Bahagian Bahasa dan Kebudayaan Melayu, Jabatan Bahasa dan Kebudayaan Asia, Institut Pendidikan Nasional (NIE).*



Get noticed more widely.

Call 6289 8822 or e-mail notices@sph.com.sg to book your AGM & EGM, Auction & Tender, Financial Statement, IPO, Merger & Acquisition or Move to Mainboard notices.

NOTICES